




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **70 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,470 kes**. Tiada kematian kes COVID-19 direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah ialah 85 menjadikan jumlah kumulatif 53,619 orang. Seramai 400 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 162 orang di hospital dan 238 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 21 orang dan enam (6) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon merah ke zon jingga, Sandakan bertukar dari zon jingga ke zon kuning. Manakala Kinabatangan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah empat (4) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 16 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

- 5 Pada hari ini, **dua (2) kluster baharu** direkodkan.
- i **Kluster Siasai Tamu di Daerah Kota Belud** pada hari ini menambah satu (1) lagi kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes. Kes indeks merupakan guru wanita pra-sekolah, berusia 46 tahun yang disahkan positif COVID-19 melalui saringan bergejala di salah sebuah pusat perubatan di Kota Belud. Berdasarkan rekod, kes indeks telah menghadiri majlis kenduri arwah di rumah kakaknya. Hasil saringan kontak rapat mendapati enam (6) orang positif di rumah berkenaan, sementara itu empat (4) lagi dikesan positif melalui saringan tempat kerja (sekolah terbabit). Setakat ini, seramai 162 orang penduduk di Kampung Siasai telah menjalani saringan.
 - ii **Kluster Tenegang di Daerah Kinabatangan** mencatatkan 19 lagi kes baharu positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 20 kes. Kes indeks adalah pekerja kilang sawit yang telah merentas zon untuk melawat keluarga dan disahkan positif melalui saringan bergejala. Saringan kontak rapat mendapati 19 lagi kes positif masing-masing tujuh (7) kes melibatkan pekerja kilang dan 12 kes adalah ahli keluarga pekerja berkenaan. Aktiviti saringan masih giat dijalankan di samping persampelan COVID-19 serta disinfeksi untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas ke ladang – ladang berhampiran.
- 6 Daripada 70 kes positif COVID-19, sebanyak 28 kes (40%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, enam (6) kes (8.6%) saringan bergejala, 22 kes (31.4%) dari kluster baharu dan sedia ada serta 14 kes (20%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,212 unit
- Hospital 494 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 9.5%.

B PENAMATAN PKPD KAMPUNG SINSINGON DAN KAMPUNG LOTONG, NABAWAN

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sinsingon dan Kampung Lotong, Nabawan, Sabah yang dijadualkan tamat pada 26 Mac 2021.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 821 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 140 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan kes positif di lokaliti ini menunjukkan trend penurunan, kluster adalah terkawal serta semua kes positif telah menerima rawatan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Sinsingon dan Kampung Lotong, Nabawan, Sabah berkuatkuasa 26 Mac 2021 seperti yang dijadualkan.

C PKPD DI KAMPUNG LEBAK MOYOH DAN KAMPUNG SIASAI TAMU, KOTA BELUD

- 1 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 89 ujian saringan di Kampung Lebak Moyoh dan daripada jumlah itu sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 Sementara itu daripada 77 ujian saringan yang dilaksanakan di Kampung Siasai Tamu, sejumlah tujuh (7) kes positif dilaporkan di lokaliti ini.
- 3 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di kedua-dua lokaliti dan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti adalah tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, kerajaan negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lebak Moyoh dan Kampung Siasai Tamu, Kota Belud, Sabah berkuatkuasa 26 Mac 2021 hingga 8 April 2021.
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk serta mengawal pergerakan dan penularan jangkitan dalam komuniti.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **13** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,971** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **143** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **1378** orang.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **289,594** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 11,593 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 10 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 60 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 121 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 13 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Tiada tangkapan dan kompaun pada hari ini.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 523 lokasi melibatkan seramai 224 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 87 anggota RELA di 70 lokasi.

- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tujuh (7) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Tuaran, Tambunan, Sandakan dan Semporna.
- 6 Sejumlah 77 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 18 daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 207 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Sandakan | 97% |
| 2 | Kota Kinabalu | 97% |
| 3 | Semporna | 97% |
| 4 | Kunak | 97% |
| 5 | Sipitang | 97% |
| 6 | Beluran | 97% |
| 7 | Kinabatangan | 97% |
| 8 | Beaufort | 97% |
| 9 | Penampang | 97% |
| 10 | Ranau | 97% |
| 11 | Kudat | 97% |
| 12 | Papar | 97% |
| 13 | Kota Marudu | 97% |
| 14 | Tuaran | 97% |
| 15 | Lahad Datu | 97% |
| 16 | Tawau | 96.5% |
| 17 | Kota Belud | 96% |
| 18 | Tenom | 96% |
| 19 | Keningau | 95% |

2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

25 Mac 2021